

DO18

B B468 DEB
MAHATHIR - PEMIMPIN

BUTTERWORTH, 20 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PEMIMPIN PARTI DAN KERAJAAN YANG ADA SEKARANG AKAN TETAP MENGUNDURKAN DIRI APABILA TIBA MASANYA.

OLEH YANG DEMIKIAN, TEGAS BELIAU, SESIAPA SAHAJA BERPELUANG MENJADI PEMIMPIN APABILA PEMIMPIN YANG ADA MENGUNDURKAN DIRI.

PERDANA MENTERI BERKATA MASANYA AKAN TIBA BAGI SESEORANG ITU MENJADI PEMIMPIN KERANA PEMIMPIN YANG SEDIA ADA SEMAKIN LAMA SEMAKIN TUA DAN TIDAK AKAN KEKAL BUAT SELAMA-LAMANYA.

+TAKKAN KITA DAPAT MENONGKAT LANGIT SEPANJANG MASA,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN BAGAN DI SINI PETANG INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA PERTUKARAN PEMIMPIN HARUS DIJALANKAN DENGAN SENANG DAN TANPA MENIMBULKAN MASALAH. -- LAGI

2022MST 20 03 87

B B469 DEB
MAHATHIR - PEMIMPIN 2 BUTTERWORTH

KATANYA, ITULAH CARA YANG SEBAIK-BAIKNYA DAN SESUAI DENGAN ADAT RESAM ORANG MELAYU IAITU TANPA MEREPUT ATAU MENYAMUN SESUATU DARIPADA ORANG LAIN.

BELIAU BERKATA WALAUPUN DEMOKRASI MENJADI AMALAN UMNO IA HENDAKLAH DIISI DENGAN UNSUR DAN KEBUDAYAAN MELAYU YANG BERTATA SUSILA.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN DALAM AMALAN DEMOKRASI SETIAP ORANG ITU MEMPUNYAI HAK UNTUK BERTANDING MENJADI PEMIMPIN MEREKA HENDAKLAH MENGAMALKANNYA DENGAN KEBEBASAN YANG TERHAD.

MENURUT BELIAU, PARTI PASTI AKAN STABIL JIKA TIDAK ADA CABAR-MENCABAR DAN JATUH-MENJATUHI ORANG LAIN DALAM USAHA MENJADI PEMIMPIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SELAMA INI UMNO, YANG MENJADI TUNJANG KERAJAAN, DIHORMATI OLEH PARTI-PARTI LAIN KERANA KEKUATAN PARTI ITU DAN ANGGOTANYA BERSATU PADU DAN MENDOKONG PRESIDEN PARTI.

BELIAU BERKATA PARTI-PARTI LAIN BUKAN MENGHORMATI SIAPA YANG MENJADI PRESIDEN UMNO TETAPI MENGHORMATI JAWATAN ITU YANG DI BELAKANGNYA BERDIRI TEGUH ANGGOTA-ANGGOTANYA YANG BERSATU PADU. -- LAGI

2024MST 20 03 87

B B470 DEB
MAHATHIR - PEMIMPIN 3 BUTTERWORTH

+SAYA ATAU BUKAN SAYA (YANG MENJADI PRESIDEN) TIDAK PENTING, YANG PENTING UMNO TIDAK HARUS BERPECAH-BELAH KERANA KEKUATAN UMNO DAN ORANG-ORANG MELAYU TERLETAK PADA PERPADUAN PARA ANGGOTANYA.+

BELIAU MEMINTA PARA ANGGOTA UMNO MERENUNG SEJARAH ORANG-ORANG MELAYU PADA MASA LEPAS YANG TELAH BERSATU-PADU DAN BERJAYA MENEWASKAN KUASA PENJAJAH BRITISH PADA MASA MEREKA LEMAH.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN SESIAPA SAHAJA BOLEH MENJADI PEMIMPIN TETAPI MEREKA JANGANLAH MEMECAHKAN ATAU MEMBURUKKAN PARTI KERANA MENGEJAR CITA-CITA MEREKA SEMATA-MATA HINGGA MENGHANCURKAN PARTI DAN ORANG-ORANG MELAYU.

KATANYA, ANGGOTA UMNO ADALAH MATANG KECUALI MEREKA YANG TIDAK MAHU MEMIKIRKAN BANGSA, NEGARA DAN AGAMA SAHAJA YANG BOLEH MENYEBABKAN PARTI ITU KEHILANGAN KUASA DAN KEDUDUKANYA TERMASUK AGAMANYA TERANCAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KALAU INI BERLAKU, KUASA YANG HILANG ITU TIDAK MUNGKIN DAPAT DIPEROLEHI LAGI KERANA PIHAK LAIN YANG BERKUASA SUDAH TENTU TIDAK AKAN MELEPASKANNYA KERANA MEREKA TAHU BELANG UMNO. -- LAGI

2026MST 20 03 87

B B471 DEB
MAHATHIR - PEMIMPIN 4 BUTTERWORTH

BELIAU MEMBERI CONTOH APA YANG TELAH BERLAKU DI BEBERAPA BUAH NEGERI DAN PARTI DALAM BARISAN NASIONAL YANG MENGALAMI PEREBUTAN KUASA ANTARA PEMIMPIN HINGGA MENAKIBATKAN KEJATUHAN PEMIMPIN DAN PERPECAHAN DALAM PARTI AKIBAT SABOTAJ ANTARA SATU SAMA LAIN.

BELIAU MENGECEM PERBUATAN MEREKA, YANG BOLEH MENIMBULKAN PERPECAHAN DALAM PARTI SEKARANG DENGAN MENCANANGKAN DI MERATA-RATA PELUSUK TEMPAT TENTANG KEBURUKAN PIMPINAN SEKARANG DAN MENFITNAH ORANG YANG MERUPAKAN RAKAN SEPERJUANGAN DAN RAKAN SEKERJA LAMA YANG TIDAK BERPELUANG MEMBELA DIRI.

+SAYA TIDAK MERAYU UNTUK DIRI SAYA, SAYA MERAYU UNTUK UMNO, INI SAJA, KERANA UMNO SATU SAHAJA PARTI YANG BOLEH MELINDUNGI ORANG-ORANG MELAYU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

+JANGAN ROSAKKAN PARTI WALAU APA SEKALIPUN CITA-CITA BESAR KITA KERANA AGENDA ORANG-ORANG MELAYU BELUM HABIS, DAN IANYA TIDAK AKAN HABIS JIKA KUASA KITA HILANG,+ TAMBAH BELIAU.

SELEPAS ACARA PERASMIAN ITU PERDANA MENTERI BERLEPAS KE ALOR SETAR.

MESYUARAT UMNO BAHAGIAN BAGAN ITU AKAN DIADAKAN PADA AHAD INI WALAUPUN IA DIRASMIKAN PADA HARI INI. -- BERNAMA
2028MST 20 03 87